

5



Multaqa Da'ie Anjuran
Pusat Da'wah Islamiah

10



Malam Sastera Islam Sempena
Maulud Nabi Muhammad
Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam
1444H/2022M



BERITA UTAMA

SEKOLAH-SEKOLAH ARAB
MENERIMA PENDAFTARAN
KEMASUKAN PELAJAR-PELAJAR
BAHARU SANAH 5 ➤3

ماليین MUSLIMIN

Surat Berita Hal Ehwal Ugama



Keluaran: Kementerian Hal Ehwal Ugama
Terbitan : Pusat Da'wah Islamiah

JANUARI 2023M

Jamadilakhir - Rejab 1444H
Tahun 35 • Bil 1

16

INFO PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam
di Seluruh Negara Tahun 2023

Bagi Bulan
Januari

31
Orang

Peringkat Saringan
Musabaqah Menghafaz
Al-Qur'an Beserta
Pemahamannya
Peringkat Kebangsaan
Tahun 1444H

Kemasukan Pelajar-
Pelajar Baharu Institut
Tahfiz Al-Qur'an Sultan
Haji Hassanal Bolkiah
bagi Tahun 1444H/2023M

Malam Munajat Anjuran
KHEU Berterusan

Perasmian Kursus
*Discovering Islamic
Belief System*

6 Sesi Pendaftaran dan
Minggu Ta'aruf Sekolah
Menengah Arab Laki-
Laki Hassanal Bolkiah
1444H/2023M

7 Sekolah Arab Belait
Meraikan Pelajar-Pelajar
Terbaik dan Cemerlang
dalam SPE dan PSR

8 Shalat Berjemaah
Keluarga Berkah:
Sakinah, Mawaddah
dan Rahmah

12 Program Qalbun Salim
Memberikan
Kesedaran Mengenai
Pegangan Akidah


13

14

15

20





Doa Rabbana Dalam Al-Qur'an

Anggota Redaksi



Lidah Pengarang

PENASIHAT: Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **PENOLONG PENASIHAT:** Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman, Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Hajah Suriati binti Haji Ahmed, Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan [Pemasaran] • **PENYELARAS:** Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Qairunnisa binti Haji Jalil • Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zelihan bin Ahad • Dahlan bin Chuchu • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • Azizah binti Hidup • Suriati binti Haji Ali Hussin • Hazey Suzainah Shaya • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zelihan bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

PERBAIKI AZAM UNTUK MEMPERBAIKI DIRI

Alhamsulillah, syukur ke hadhrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana telah memberi kesempatan buat kita untuk melangkah ke tahun baharu Masihi. Seperi lazimnya, tahun baharu bukan setakat disambut tetapi disertai dengan menanamkan azam baharu dengan harapan azam tersebut akan dapat direalisasikan dalam tahun tersebut.

Terlalu banyak azam tahun baharu yang sering kita dengar seperti ingin menurunkan berat badan, ingin meraih kecemerlangan dalam pelajaran dan bermacam-macam lagi. Sebagai seorang muslim, kita perlulah menitikberatkan soal agama, iman, akhlak dan ibadat ketika menetapkan azam tahun baru. Adalah lebih baik kita berazam untuk memperbaiki dan memperkuatkan keimanan kita kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala seperti berazam untuk memelihara sembahyang fardhu lima waktu dan melaksanakannya tepat pada waktunya, membiasakan diri untuk mengerjakan sembahyang sunat khususnya sembahyang sunat Dhuha setiap hari, khatam al-Qur'an, sembahyang berjemaah di masjid, meninggalkan dan menjauhi maksiat dan menghindari dari melakukan perkara yang sia-sia.

Jika kita menetapkan azam, iringilah ia dengan doa, usaha dan bertawakkal kepada Allah agar ianya mudah dicapai. Namun jika azam tersebut tidak mampu untuk dilaksanakan pada tahun tersebut, usahakanlah untuk mencapainya di tahun seterusnya.

...Kemudian apabila engkau telah berazam (untuk berbuat sesuatu sesudah bermesyuarat) maka bertawakkallah kepada Allah (melaksanakannya). Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakkal."

(Surah Aali 'Imraan, ayat 159)

DOA MEMOHON DIMURAHKAN REZEKI

رَبَّنَا إِنِّي أَسْكَنُتُ مِنْ ذُرِّيَّتِي بُوَادِي عَيْرٍ ذِي زَرْعٍ عِنْدَ بَيْتِكَ الْمُحَرَّمَ وَرَبَّنَا لِيُقِيمُوا
الصَّلَاةَ فَاجْعَلْ أَفْعِدَةَ قَنَ النَّايسِ هَوَى إِلَيْهِمْ وَأَرْزُقْهُمْ مِنَ الشَّمَائِلِ لَعَلَّهُمْ
يَشْكُونَ ﴿٢٧﴾

MAFHUMNYA:

"Ya Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian zuriat keturunanku (iaitu anakku Ismail dan termasuk isteriku Hajar) di sebuah lembah (tanah suci Mekah) yang tidak mempunyai tumbuh-tumbuhan, di sisi rumah-Mu (Baitullah) yang dihormati. Ya Tuhan kami! (Mereka ditempatkan di situ) supaya mereka mendirikan sembahyang, maka jadikanlah hati sebahagian daripada manusia cenderung kepada mereka dan kurniakanlah mereka rezeki daripada buah-buahan supaya mereka bersyukur."

Surah Ibrahiim ayat 37

SEKOLAH-SEKOLAH ARAB MENERIMA PENDAFTARAN KEMASUKAN PELAJAR-PELAJAR BAHARU SANAH 5

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa meninjau kemasukan pelajar Sanah 5 Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Jamadilakhir bersamaan 5 Januari – Pada tahun ini, Sekolah-sekolah Arab seluruh negara telah menerima 468 orang pelajar-pelajar Sanah 5 dengan pecahan seperti berikut:

Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan seramai 213 orang pelajar perempuan; Sekolah Arab Rimba menerima seramai 180 orang pelajar lelaki; Ma'had Islam Brunei Tutong menerima seramai 18 orang pelajar lelaki dan 21 pelajar perempuan dengan jumlah seramai 39 orang; Sekolah Arab Belait seramai 21 orang pelajar 7 lelaki dan 14 perempuan Sekolah Arab Temburong seramai 15 orang 8 lelaki dan 7 perempuan.

Majlis pendaftaran kemasukan pelajar-pelajar baharu Sanah 5 yang diadakan di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah dihadiri oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sementara itu, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama telah mengetuai rombongan yang disertai oleh Yang Mulia Ustaz Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Pengajian Islam ke sesi pendaftaran kemasukan pelajar-pelajar baharu Sanah 5 di Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan.

Rombongan yang menghadiri sesi pendaftaran kemasukan pelajar-pelajar baru di Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan dialukan oleh Ustaz Pengiran Haji Shamshol bin Haji Omar, Pengarah Pengajian Islam dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Pengajian Islam.

Sekolah Arab mula ditubuhkan lebih 57 tahun yang lalu dengan matlamat yang dinyatakan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Sultan Haji Omar Ali Saifudien ms.⁴



SESI Pendaftaran kemasukan pelajar-pelajar baru sanah 5.

« **3** Sa'adul Khairi Waddien ms. semasa berlangsungnya Majlis Peletakan Batu Asas Bangunan Sekolah Arab Hassanal Bolkiah pada 24 April 1964. Baginda bertitah:

"Kerajaan telah menyedari betapa sudahlah tiba pada masanya diadakan sekolah-sekolah menengah ugama dengan mempunyai dasar-dasar pelajaran yang sesuai menurut laila kemajuan zaman, iaitu bukan sahaja diajarkan ilmu-ilmu pengetahuan syara' dan Bahasa Arab, bahkan juga pengetahuan-pengetahuan kenegaraan dan laila keduniaan untuk melayakkan murid-murid yang berkelulusan di sekolah menengah ini akan dapat melanjutkan pelajaran ke sekolah tinggi di luar negeri."

Dan tujuannya bagi menggalakkan, utama sekali bagi melayakkan, mereka menjadi rakyat yang mempunyai pengetahuan yang sempurna bagi mencari kehidupan yang lebih baik dan juga bagi faedah keamanan dan ketenteraman negara kita Brunei Darussalam, di samping menjadi mu'min yang berilmu dan taat kepada Allah dan Rasul-Nya."

Melalui titah tersebut telah dijelaskan bahan tujuan sekolah-sekolah arab di negara ini ditubuhkan bukan hanya semata-mata untuk mempelajari ilmu ugama, tetapi juga untuk mengutamakan ilmu-ilmu umum yang lain yang membolehkan pelajar-pelajar yang menuntut di sekolah-sekolah arab di negara ini untuk melanjutkan pelajaran mereka di institusi-intitusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara yang tidak hanya tertumpu pada institusi beraliran ugama atau arab.

Secara tidak langsung, ianya dapat menyeimbangi ilmu dunia dan akhirat bagi melahirkan mu'min yang shalihberilmu dan berkualiti tinggi. ■



ROMBONGAN yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa lawatan kemasukan pelajar Sanah 5 Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bokiah, Kampong Rimba.



ROMBONGAN Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa lawatan kemasukan pelajar Sanah 5 Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan.

MULTAQA DA'IE ANJURAN PUSAT DA'WAH ISLAMIAH

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



PROFESOR Dr. Haji Abdul Somad Batubara menerima penghargaan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

PULAIIE, Sabtu, 6 Rejab bersamaan 28 Januari – Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan program Multaqa Da'ie bersama Profesor Dr. Haji Abdul Somad Batubara yang bertempat di Dewan Persidangan Pusat Da'wah Islamiah, Kampong Pulaie.

Program ini diadakan sebagai menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika lawatan tidak berjadual ke Pusat Da'wah Islamiah pada hari Khamis, 21 Sya'ban 1443H bersamaan 24 Mac 2022M. Baginda bertitah menegaskan bahawa Pusat Da'wah Islamiah merupakan salah sebuah jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama yang berperanan amat penting untuk menentukan syiar Islam menyerlah di negara ini.

Baginda turun menekankan cara untuk menggelinga dan memperkasa adalah seperti mewujudkan skim latihan da'ie yang membolehkan

pegawai yang berkenaan diberikan latihan bagaimana untuk melakukan da'wah dengan berkesan.

Melalui skim tersebut, titah baginda lagi, pegawai yang berpotensi dirancang untuk mengambil ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang da'wah di mana antara metodologi nanti termasuk menemui bual daie yang sudah dikenal pasti sebagai berkaliber sama ada di dalam atau luar negara. Ini adalah untuk mengongsikan pengalaman dan cara bagaimana menyampaikan da'wah yang berkesan serta apa resipi yang perlu bagi tujuan tersebut.

Program ini juga dilaksanakan sebagai salah satu aktiviti sokongan untuk mencapai objektif strategik di dalam rancangan strategik Pusat Da'wah Islamiah begi mencapai Wawasan Brunei 2035, yang mana salah satu objektif strategi ugama tersebut ialah da'wah dan syi'ar Islam akan tersebar luas bagi menambah bilangan da'ie berwibawa.

Hadir ke majlis tersebut selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib

Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Dato Seri Setia Dr Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin, Timbalan Mufti Kerajaan. Antara peserta yang hadir ke program tersebut terdiri daripada penceramah-penceramah undangan Pusat Da'wah Islamiah, da'ie-da'ie bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, para belia dari Program Keugamaan Belia Kementerian Hal Ehwal Ugama dan para pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah serta pegawai-pegawai di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan surah al-Fatihah serta doa selamat yang dibacakan oleh Yang Mulia Awang Haji Badaruddin bin Haji Basar, Pegawai Pelajaran Ugama Pusat Da'wah Islamiah. Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Mulia Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah dan seterusnya penceramah undangan, Yang Mulia Profesor Dr. Haji Abdul Somad Batubara menyampaikan ceramah bertajuk, Memperkasa Da'ie Berkaliber Mercu Kejayaan Ummah Berkualiti. ■



PROFESOR Dr. Haji Abdul Somad Batubara semasa menyampaikan ceramah dalam program tersebut.

PERINGKAT SARINGAN MUSABAQAH MENGHAFAZ AL-QUR'AN BERSERTA PEMAHAMANNYA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1444H

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



ANTARA peserta yang layak mengikuti peringkat saringan Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Jamadilakhir bersamaan 21 Januari – Setiap tahun Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an MABIMS akan mengadakan Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Kebangsaan bagi menyemarakkan lagi hari-hari kebesaran Islam dan merupakan salah satu pengisian dalam aturcara Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara.

Tahun ini peringkat saringan Musabaqah tersebut telah diadakan selama lima hari iaitu bermula hari Isnin, 23 Jamadilakhir 1444H bersamaan 16 Januari 2023M hingga Khamis, 26 Jamadilakhir 1444H bersamaan 19 Januari 2023M dan hari terakhir pada hari Sabtu, 28 Jamadilakhir 1444H bersamaan 21 Januari 2023M. Seperti tahun-tahun sebelumnya, Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya akan diadakan dalam tiga peringkat iaitu peringkat saringan kebangsaan, peringkat separuh akhir kebangsaan dan peringkat akhir kebangsaan yang dibahagikan kepada lima kategori

iaitu kategori A, B, C, D dan E.

Kategori 'A' terdiri daripada mereka yang menghafaz juz 1 hingga juz 30, dan berserta pemahaman juz 30. Terbuka kepada peserta yang berumur 13 tahun ke bawah iaitu yang lahir pada tahun 2010 ke atas dan tidak pernah menjadi johan dalam kategori 'A' sebanyak dua kali berturut-turut, iaitu pada tahun 1442H dan 1443H dan bukan terdiri dari penuntut Institut Tahfiz Al-Qur'an dalam dan luar negeri semasa mendaftar atau menghantar borang permohonan.

Kategori 'B' yang terdiri daripada peserta yang menghafaz surah-surat pilihan, iaitu surah al-Jumu'ah, surah Luqman, surah as-Sajdah, surah ar-Rahmaan, surah al-Waaqi'ah, surah al-Mulk, surah al-Insaan, surah Yaasiin, dan surah al-Jinn berserta pemahaman surah al-Kahfi dan surah an-Nuur. Terbuka kepada peserta yang berumur 14 tahun ke atas yang lahir pada tahun 2009 ke bawah dan bukan penerima elauan Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Qur'an Negara Brunei Darussalam dalam semua kategori tasmie' semasa tarikh tutup

penyertaan. Tidak pernah menjadi johan dalam kategori 'B' sebanyak dua kali berturut-turut iaitu tahun 1442H dan 1443H serta bukan terdiri dari penuntut Institut Pengajian Tahfiz Al-Qur'an dalam dan luar negeri semasa mendaftar atau menghantar borang permohonan.

Kategori 'C' ialah mereka yang menghafaz surah al-Baqarah dan surah Aali-'Imraan berserta pemahaman surah an-Nisaa dan surah al-Maa'idah. Terbuka kepada semua peringkat umur dan tidak menerima Elauan Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Qur'an Negara Brunei Darussalam dalam semua kategori sehingga tarikh tutup penyertaan dan tidak pernah menjadi johan dua tahun berturut-turut secara belakangan pada tahun 1442 dan 1443 Hijrah.

Kategori 'D' terdiri dari mereka yang menghafaz 15 juz al-Qur'an iaitu daripada juz 1 hingga Juz 15 berserta pemahaman surah Maryam, surah Thaaha, surah al-Anbiya' dan surah al-Hajj. Terbuka kepada semua peringkat umur dan tidak pernah menerima Elauan Ujian Tasmie' Menghafaz al-Qur'an Negara Brunei Darussalam dalam kategori 30 juz dan tidak pernah menjadi johan dalam kategori 'D' sebanyak dua kali berturut-turut iaitu tahun 1442 dan 1443 Hijrah.

Kategori 'E' pula terdiri daripada mereka yang menghafaz 30 juz al-Qur'an iaitu daripada juz 1 hingga juz 30 berserta pemahaman surah al-Mujadilah, surah al-Hashr, surah al-Mumtahanah, surah as-Shaff, surah al-Munafiqun, surah at-Taghaabun, surah at-Thalaq dan surah at-Tahriim. Terbuka kepada semua peringkat umur dan tidak pernah menerima Elauan Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Qur'an Negara Brunei Darussalam

dalam kategori 30 juz dan tidak pernah menjadi johan dalam kategori 'E' sebanyak dua kali berturut-turut iaitu tahun 1442H dan 1443H.

Pada tahun ini sebanyak 256 penyertaan telah diterima dan layak untuk mengikuti saringan Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an

Berserta Pemahamannya Peringkat Kebangsaan tahun 1444 Hijrah. Penyertaan ini terdiri daripada 21 orang peserta lelaki dan 28 orang peserta perempuan yang mengikuti kategori 'A', sebanyak 30 orang lelaki dan 19 orang peserta perempuan yang mendaftar bagi kategori 'B', 32 orang peserta lelaki dan 45 orang

peserta perempuan mengikuti saringan bagi kategori 'C', seramai 37 orang peserta lelaki dan 23 orang peserta perempuan bagi kategori D dan seramai 21 orang peserta mengikuti kategori 'E' yang terdiri daripada 14 orang peserta lelaki dan 7 orang peserta perempuan. ■

SEMASA

KEMASUKAN PELAJAR-PELAJAR BAHRU INSTITUT TAHFIZ AL-QUR'AN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH BAGI TAHUN 1444H/2023M

Oleh : Dahlan Chuchu



SALAH seorang pelajar menerima penyerahan Mushaf Al-Qur'an daripada tetamu kehormat.

Bandar Seri Begawan, Sabtu, 21 Jamadilakhir bersamaan 14 Januari – Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah mengadakan majlis penerimaan pelajar-pelajar baru di Dewan Kuliah Institusi Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Sebelumnya telah diadakan program minggu ta'aruf bagi pelajar-pelajar baru selama 6 hari, bermula dari 9 Januari 2023 hingga 14 Januari 2023. Sepanjang program tersebut diadakan para pelajar telah didekah dengan Bengkel Pengenalan Hafazan Al-Qur'an, Taklimat Pengenalan Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Kem Motivasi dan Kepimpinan,



ANTARA kemasukan pelajar-pelajar baharu ke institut tersebut.

Kelas Al-Qur'an, Sembahyang Sunat Dhuha Berjemaah, Malam Cinta Rasul, Hafazan Challenge, Taklimat Fire Drill, Etika Pakaian, Aktiviti Sukan dan Kuliah Subuh.

Majlis penerimaan pelajar-pelajar baru kali ini dimulakan dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an daripada Yang Mulia Awang Luqman Hakim bin Haji Mohd Nor Azmi, pelajar tahun 7 baru di institut berkenaan yang membacakan surah Aali-'Imraan, ayat 102 hingga 108 dan intisarinya dibacakan oleh Yang Mulia Awang Muhammad Ajmal Muzaffar bin Haji Md Jaafari yang juga merupakan pelajar baru tahun 7. Majlis diteruskan lagi dengan ucapan alu-aluan dari Pemangku Pengetua Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Yang Mulia Ustaz Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit. ■

MALAM MUNAJAT ANJURAN KHEU BERTERUSAN

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



Malam Munajat ke-69.

BANDAR SERI BEGAWAM, Sabtu, 15 Jamadilakhir bersamaan

7 Januari – Malam munajat yang diadakan pada setiap hari Sabtu malam Ahad telah memasuki minggu ke 69. Malam munajat kali ini telah dimeriahkan oleh para jemaah daripada 101 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat dari seluruh negara serta warga Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya dari kediaman masing-masing.

Di samping itu, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin, Penasihat Bersama Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Sungai Hanching telah diundang selaku tetamu khas yang mengepalai bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah. Turut menyertai acara tersebut, belia-belia dan ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Sungai Hanching, pegawai-pegawai, guru-guru dan para pelajar Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah.

Selesai bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah, surah Yasin dibaca beramai-ramai dipimpin oleh Yang Mulia Awang Haji Khairul Anwar bin Haji Muhammad, Pegawai Pelajaran Sekolah Menengah Arab Laki-Laki

Tingkat II, Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Isi tazkirah kali ini antara lain memperingatkan bahawa, "Setiap manusia yang Allah cipta sentiasa akan diberi musibah, ujian hidup di dunia. Allah Subhanahu wa Ta'alā menguji seseorang itu kerana Allah mempunyai rahsianya tersendiri. Dan kerana sesuatu ujian itulah yang mendidik kitani supaya jangan mudah putus asa dalam kehidupan. Allah Subhanahu wa Ta'alā Maha Mengetahui apa yang terbaik untuk hamba-hamba-Nya. Oleh itu, segala nikmat dan ujian, sama ada suka ataupun duka, susah atau pun senang, cepat atau pun lambat, semua itu mempunyai hikmah tersendiri yang mesti disyukuri dan direhahai serta diterima dengan hati yang penuh ikhlas."

Acara malam munajat kali ke-70 diteruskan lagi pada 22 Jamadilakhir 1444H bersamaan 14 Januari 2023M. Malam munajat kali ini diisi dengan tazkirah yang bertajuk 'Syukur Nikmat, Hidup Berkat' yang disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Mohammad Norhadi bin Pengiran Haji Bongsu, Pegawai Ugama Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dari Surau Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.



Majlis Malam Munajat ke-70.

Malam Munajat kali ini mengundang Yang Mulia Awang Muhammad Sofian bin Haji Basri, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri selaku tetamu khas yang memimpin bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah dari Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam Kampong Sengkarai, Tutong.

Turut menyertai acara tersebut ialah ahli-ahli jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Anak Mohammed Alam, Kampong Sengkarai, para pegawai, guru dan pelajar-pelajar Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta guru-guru dan pelajar-pelajar IBTE School of Building Technology Service, Kampus Nakhoda Ragam. Selain itu, majlis itu juga dihadiri oleh para jemaah daripada 95 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat seluruh negara, serta warga Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya berserta keluarga dari kediaman masing-masing.

Pada malam Ahad, 29 Jamadilakhir 1444H bersamaan dengan 21 Januari 2023M, Majlis Munajat ke-71 telah diadakan secara maya yang mengundang Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Beribi, Yang Mulia Dato Paduka Haji Othman bin Haji Yaakub selaku tetamu khas. Acara dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah oleh tetamu khas dari Masjid Kampong Beribi.

Malam Munajat kali ini juga diserikan dengan penyampaian sebuah tazkirah yang bertajuk 'Menghormati Bulan-bulan Haram' yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Muhammad Khaizuran Amali bin Haji Kamsani, Imam Tingkat III dari Masjid Suri Seri Begawan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kampong Manggis Madang, tenaga pengajar dan pelajar-pelajar Sekolah Ugama Menengah Rimba dan para belia al-Jiilul Faath dari Huffaz learning and Training Centre. Selain itu jemaah daripada 102 buah masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara serta warga Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya berserta keluarga dari kediaman masing-masing juga tidak ketinggalan untuk sama-sama memeriahkan acara munajat kali ini.



Majlis Malam Munajat ke-71.

kemaksiatan di dalamnya diberatkan timbang dosa. Bulan yang mana ia dimuliakan sejak dari zaman sebelum datangnya Islam, hatta dari zaman Nabi Ibrahim 'alaihissalam lagi. Seperti firman Allah Subhanahu wa Ta'alā dalam surah at-Taubah, ayat 36 yang mafhumnya:

Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi Allah ialah dua belas bulan, (Qamariah) dalam kitab (ketetapan) Allah ketika Dia menciptakan langit dan bumi, antaranya empat bulan yang dihormati. Yang demikian itulah (ketetapan) agama yang lurus. Maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangan-Nya).

Acara kali ini juga disertai oleh ahli-ahli jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Beribi dan Masjid Suri Seri Begawan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kampong Manggis Madang, tenaga pengajar dan pelajar-pelajar Sekolah Ugama Menengah Rimba dan para belia al-Jiilul Faath dari Huffaz learning and Training Centre. Adalah menjadi kewajiban kita juga seterusnya mengajak ahli keluarga, kawan-kawan serta umat Islam untuk sama-sama merawat hati. Jangan biarkan ia sakit sehingga menyebabkan hilangnya ketenangan.

Oleh itu, perlu kita sedari betapa pentingnya untuk kita menjaga dan merawat hati agar sentiasa sihat iaitu dengan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu wa Ta'alā dan seterusnya memperbanyakkan zikir, sembahyang, puasa, membaca al-Qur'an dan sebagainya. Adalah menjadi kewajiban kita juga seterusnya mengajak ahli keluarga, kawan-kawan serta umat Islam untuk sama-sama merawat hati. Jangan biarkan ia sakit sehingga menjadi parah.

Tetamu khas kali ini ialah Yang Mulia Pengiran Mohammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim, Pengawai Daerah Temburong yang juga memimpin bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah dari Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar. ■

Malam Munajat kali ke-72 telah diadakan pada malam minggu terakhir

MALAM SASTERA ISLAM SEMPENA MAULUD NABI MUHAMMAD SHALLALLAHU 'ALAIHI WA SALLAM 1444H/2022M

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



TETAMU kehormat Majlis Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama melancarkan enam buah buku baru terbitan Pusat Da'wah Islamiah.

BERAKAS, Selasa, 10 Rejab bersamaan 31 Januari – Pusat Da'wah Islamiah telah mengadakan Malam Sastera Islam untuk menghargai para penulis-penulis tempatan yang menulis karya-karya berunsur Islami. Majlis Malam Sastera Islam ini telah menjadi acara tahunan yang diadakan setiap dua tahun sekali dan pada tahun ini ianya diadakan bersempena dengan sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis yang diadakan di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas ini ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan datin. Turut hadir memeriahkan majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia [Dr.] Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan dan datin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayidul Istighfar, surah al-Fatihah



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama melihat buku-buku yang telah dilancarkan.

Islamiah yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Tahun ini Pusat Da'wah Islamiah telah melancarkan enam buah buku iaitu 'Pemerintahan Negara Brunei Darussalam Menurut Ahli Sunnah wal Jamaah' hasil karya tulisan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, 'Islam Teras Pembangunan' tulisan Allahyarham Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, 'Menjana Ekonomi Islam Melalui Zakat dan Waqaf' hasil tulisan Dato Seri Setia Ustaz Haji Metussin bin Haji Baki, 'Himpunan Ayat-ayat Al-Qur'an dan Hadits Mengenai Perubatan' disusun oleh Hajah Nazilah binti Haji Kula dan Latifah binti Haji Ismail, 'Himpunan Ayat-ayat Al-Qur'an dan Hadits mengenai Amar Ma'ruf' disusun oleh Latifah binti Haji Ismail dan Nur Rasidah binti Abd Rahman dan juga buku 'Himpunan Ayat-ayat Al-Qur'an

dan Hadits mengenai Nahi Munkar' disusun oleh Hajah Nazilah binti Haji Kula dan Jalijah binti Haji Sable.

Buku-buku terbitan baharu Pusat Da'wah Islamiah ini boleh didapati di Kedai Buku, Bahagian Kajian dan Penerbitan (Pemasaran), Pusat Da'wah Islamiah pada setiap hari waktu bekerja dan sempena pelancarannya, buku-buku tersebut dijual dengan harga promosi pakej enam buah buku dengan harga \$19.00 sahaja, manakala potongan 30% bagi pembelian setiap sebuah buku bermula 31 Januari hingga 28 Februari 2023.

Majlis disemarakkan lagi dengan persembahan deklamasi sajak dari tetamu kehormat majlis dan juga Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia [Dr.] Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Sebelum ini Pusat Da'wah Islamiah telah mengadakan Peraduan Penulisan Seni Kreatif dan Non-Kreatif Berunsur Islam Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam 1444H/2022M dan telah menerima sebanyak 77 buah penyertaan yang terdiri daripada lima penyertaan skrip drama, 16 penyertaan kategori cerpen, sebanyak 41 penyertaan sajak dan 15 penyertaan kategori rencana. Seterusnya majlis dimeriahkan lagi dengan penyampaian hadiah penghargaan kepada para penulis buku-buku yang dilancarkan, hadiah-hadiah untuk para pemenang peraduan dan juga cenderahati kepada hakim-hakim Peraduan Penulisan Seni Kreatif dan Non-Kreatif Berunsur Islam.


Majlis kemudian diteruskan dengan persembahan deklamasi sajak oleh Hajah Maisalamah binti Rajab, pemenang Peraduan Penulisan Seni Kreatif dan Non-Kreatif Berunsur Islam dalam kategori sajak. Diikuti dengan pementasan drama daripada Kumpulan Putra Seni yang diadaptasi daripada skrip yang



BARISAN pelakon-pelakon dari Kumpulan Putra Seni yang membuat persembahan pementasan drama di majlis tersebut.



AHLI pertubuhan Wargamas yang menyampaikan sajak dalam tiga bahasa bertajuk Tetap Melangkah.



PELAJAR-pelajar daripada Sekolah Ugama Dato Haji Othman, Kampong Lambak Kiri.

memenangi tempat pertama dalam Peraduan Penulisan Skrip Drama bertajuk 'Istdraaj.' Persembahan deklamasi sajak dalam tiga bahasa daripada ahli pertubuhan Wargamas yang bertajuk Tetap Melangkah dan akhir sekali persembahan deklamasi sajak yang juga disampaikan dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab yang bertajuk 'Guru' hasil nukilan Badaruddin H.O yang disampaikan oleh penuntut-penuntut daripada Sekolah Ugama Dato Haji Othman, Kampong Lambak Kiri. ■

PERASMIAN KURSUS DISCOVERING ISLAMIC BELIEF SYSTEM

Oleh : Azizah Hidup



YANG Mulia Awang Ahmad Ahyad bin Haji Amynoor, Da'ie Bertauliah, Majlis Ugama Islam Brunei semasa menyampaikan ceramah di kursus tersebut.

PULAIIE, Jumaat, 5 Rejab bersamaan 27 Januari – Pusat Da'wah Islamiah melalui Urusetia Program Keugamaan Belia dengan kerjasama Persatuan Nazhor Community telah mengadakan Program Ceramah Umum bersempena dengan perasmian kursus Discovering Islamic Belief System: Islamic Essential Knowledge and Introduction to Islamic Beliefs di Dewan Persidangan Pusat Da'wah Islamiah.



DI ANTARA peserta yang menghadiri program tersebut bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis.

SESI PENDAFTARAN DAN MINGGU TA'ARUF SEKOLAH MENENGAH ARAB LAKI-LAKI HASSANAL BOLKIAH 1444H/2023M

Oleh : Hazey Suzainah Shaya

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Rejab bersamaan 24

Januari – Satu-satunya Pra Universiti Arab sebelum pelajar-pelajar melangkah ke peringkat universiti telah menerima 553 orang pelajar dari lepasan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Sekolah Ma'had Islam Brunei, Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan calon-calon persendirian yang telah lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei 1443H/2022M yang memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk meneruskan pengajian di Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah.

Dari 523 orang pelajar yang diterima tersebut, 240 orang pelajar terpilih untuk mengikuti jurusan Syariah dan 154 orang daripadanya mengikuti jurusan Usuluddin, 27 orang mengikuti jurusan Lughah, 85 orang mengikuti Umum I dan 17 orang mengikuti



DIANTARA pelajar yang memenuhi syarat-syarat kelayakan meneruskan pengajian di sekolah tersebut.

Umum 2. Sejurus itu, minggu Ta'aruf telah dimulakan selepas sesi pendaftaran yang mendedahkan para pelajar baru dan para ibu bapa serta penjaga mereka tentang pentadbiran, akademik, hal ehwal pelajar dan kurikulum sekolah. Sesi Ta'aruf dan silaturrahim pula diadakan agar para pelajar baru ini dapat menyesuaikan diri dengan suasana dan persekitaran sekolah yang baru serta menjalinkan silaturrahim sesama warga sekolah. Acara tersebut dimulakan dengan Program al-Iftitah iaitu menunaikan Sembahyang Dhuha, bacaan selawat, bacaan Sayidul Istighfar, bacaan Yaasin beramai-ramai dan doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam sebelum para pelajar beredar ke kelas masing-masing. ■



SESI ta'aruf bagi pelajar-pelajar baharu di kelas masing-masing.

SEKOLAH ARAB BELAIT MERAIKAN PELAJAR-PELAJAR TERBAIK DAN CEMERLANG DALAM SPE DAN PSR

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



ANTARA pelajar-pelajar terbaik dan cemerlang yang diraikan dimajlis tersebut.

KUALA BELAIT, Sabtu, 28 Jamadilakhir bersamaan 21 Januari

- Sekolah Arab Belait mengadakan sebuah majlis di surau sekolah berkenaan bagi meraikan pelajar-pelajar terbaik dan cemerlang dalam Penilaian Kemajuan Pelajar (SPE), pelajar-pelajar terbaik dan cemerlang Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dan juga pelajar-pelajar cemerlang dalam aktiviti kurikulum sekolah tersebut.

Pelajar-pelajar tersebut diraikan dengan penyampaian hadiah dan sijil kepada para pelajar tersebut.

Hadir selaku tetamu khas dan menyampaikan sijil kepada pelajar-pelajar yang diraikan ialah Yang Mulia Awang Haji Mohd Yusof bin Dulamin, Pemangku Ketua Kampong Mumong, Kuala Belait.



PARA pelajar bergambar ramai bersama tetamu khas dan guru-guru Sekolah Arab Belait.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Selawat Tafrijiyah dan surah al-Fatiyah beramai-ramai dan diikuti oleh bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an oleh Awang Muhd Fadhl Danial bin Fariz Surnaidi. Kemudian majlis diteruskan dengan ucapan aluan daripada pemangku guru besar Sekolah Arab Belait selaku pengurus majlis dan disusuli dengan ucapan dari tetamu khas.

Majlis diteruskan dan diserikan lagi dengan persembahan daripada pelajar-pelajar Sanah 6, Sekolah Arab Belait dengan bacaan Selawat Nariyyah dan Zikir Subhanallah dan diakhiri dengan penyampaian hadiah dan sijil kepada pelajar-pelajar yang diraikan dan penghargaan khas kepada guru-guru.

Majlis ini diadakan dengan harapan agar para pelajar tersebut semakin bersemangat dan bermotivasi untuk meningkatkan usaha dalam meraih pencapaian dari segi akademik dan aktiviti kurikulum mereka dari semasa ke semasa. ■

SHALAT BERJEMAAH KELUARGA BERKAH: SAKINAH, MAWADDAH DAN RAHMAH

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN,

Jumaat, 5 Rejab bersamaan 27

Januari – Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan sebuah program yang bertempat di Masjid Omar Ali Saifuddien. Program ini disebut dengan Program Bisai Tah Berjemaah.

Yang Mulia Awang Hilman bin Haji Salim, Penolong Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan telah menyampaikan sebuah tazkirah yang bertajuk Solat Berjemaah Keluarga Berkah; Sakinah, Mawaddah dan Rahmah sebagai salah satu pengisian di dalam program ini.

Turut menghadiri program tersebut ialah Yang Mulia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gemok, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Syariah dan juga Yang Mulia Awang Ahmad Haziq bin Haji Abdul Hamid, Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Syariah.

Sebelum ini, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan telah membuat kajian dan mendapatkan kebanyakan punca pencerian



YANG MULIA Awang Hilman bin Haji Salim, Penolong Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan semasa menyampaikan tazkirah.

di negara ini di sebabkan oleh pengalaman ibadah sembahyang pengudu dan yang diadukan adalah ditahap yang sederhana. Kerana itulah program ini disasarkan kepada kumpulan keluarga yang terdiri dari suami isteri dan anak-anak mereka di dalam satu kumpulan.

Selain untuk memantapkan motivasi kekeluargaan sebagai kaedah alternatif untuk menyelesaikan



DI ANTARA peserta yang menghadiri program tersebut.



Majlis Pengislaman JANUARI 2023




STATISTIK PENGISLAMAN

Keramahan Orang yang Memeluk Usgama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2023

Brunei Muara



Bagi Bulan Januari



Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.

Features

CHALLENGES FACED BY WORKING MUSLIM WOMEN

in a Muslim society as wives and mothers



Sharifah Khadijah Hussein Alkaff

INTRODUCTION

Muslim women choose to work outside the home for various reasons. Some of us want to supplement the income of our husbands in order to achieve higher living standards. Others want to establish college and other educational savings for the children and still others wish to contribute to the society at large. There are also career-oriented women who have been indoctrinated to believe that in order to have value we must be "career women" who work outside the home. Whatever the reasons may be for us to work, the primary responsibility of Muslim women remains the tending to the needs of our homes and families. This primary responsibility is invested in us by none other than our Lord, Allah Subhanahu wa Ta'alaa Himself. Islam therefore does not see housewives and stay-home mothers as non-productive because in Islam, our product is our children and a warm and stable home to which the husband returns daily after work. In the eyes of Islam, this is valuable work indeed.

Let's look at some of the issues confronting working Muslim women, who have families to tend to and homes to run, and share ideas and experiences that may benefit those among us that are feeling the stress of it all.

The Family in Islam

Islam makes the family the main cell in the Islamic community, which constitutes a wife, a husband and the children. Allah Subhanahu wa Ta'alaa says in surah ar-Ruum verse 21:

"And one of His Signs is that He Created mates for you from yourselves, in order that you may find satisfaction in them, He has put love and mercy between you. Surely, there are Signs in this for people who reflect."

Other than affection and compassion the normal, functional, Muslim family usually has these components:

1. The husband is above the wife and he is the one who governs. It is a prerequisite for running the family that the husband and wife should have authority over the children.
2. The husband is the one who is religiously duty-bound to spend on his wife and family in general for Allah Subhanahu wa Ta'alaa states in surah an-Nisaa' verse 34:

"Men are protectors of women, because Allah has made some of them eminent above the others (their wives), and because of what they spend out of their belongings;..."

3. The head of the family has the authority to discipline his wife and family. Success in managing the family hinges on good use of this authority i.e. without excess or laxity.
4. The head of the family plays the main role in training, educating and improving the family.
5. The children stay with the family until they are mature, usually leaving only after marriage.

In Islam, the family and spousal relationships are characterised by mutual rights and obligations that are based on divine guidance. Allah Subhanahu wa Ta'alaa created men and women with complimentary natures, and in the Qur'an, He has laid out a system of laws to support harmonious interaction between the sexes. In surah al-Baqarah verse 187 for example Allah Subhanahu wa Ta'alaa says:

"(They are a garments for you, and you are a garments for them...)"

Clothing provides physical protection and covers the beauty and faults of the body. In Islam, a spouse is viewed similarly and a married couple is seen as one entity, so much so that Allah Subhanahu wa Ta'alaa the Creator has used one word for both. Whereas in English there are the words 'husband' and 'wife', in French 'mari' and 'femme' and 'suami/isteri' in Malay, in Arabic, the language of the Qur'an, it is 'zaujuh' for both – not two different words but just zaujuh for husband and zaujuh for wife because Islam sees the married couple as a pair, not separate individuals.

Menjadi Khalifah Islam
Abu Bakar As-Siddiq
RadhiAllahu 'anhu

Syahid dalam Islam dari kalangan wanita
Sumayyah binti Khabbat

Minum Air Zam Zam

Nabi Ismail
'alaihissalam

Orang Pertama

Dibangkitkan Pada Hari Qiamat

Nabi Muhammad
'Shallallahu 'alaihi wasallam

Menghafal Al-Qur'an Selepas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*

Ali bin Abi Thalib

Menulis Kalimah Basmalah

Nabi Sulaiman
'alaihissalam

Mengasaskan Usul Fiqh

Imam Syaf'i'le



PETIKAN TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOKHLIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DANYANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
SEMPENA MENYAMBUT
TAHUN BARU MASIHI 2023



'HIKMAH DI SEBALIK MUSIBAH'

" Mengimbas balik masa tiga tahun dalam menghadapi COVID-19, kita telah melihat, musibah ini, walaupun membawa kesan sampingan kepada kehidupan, namun hikmahnya telah menciptakan peluang untuk kita berdikari memperkasa bidang-bidang utama seperti sekuriti makanan, perbekalan, pendidikan, kewangan dan kesihatan.

Inilah hikmah yang tidak pernah terlintas di fikiran kita, dan malah banyak lagi untuk kelangsungan hidup, termasuk membanyakkan amal salih, beribadat, berdoa, bersabar dan bertawakkal kepada Allah.... "

| Program Keugamaan Belia |

أسماء الأبناء
NAMA ANAK LAKI-LAKI
Naqib Hadiy
نقیب هادی
Ketua, Yang Terang, Tenteram

NAMA-NAMA ISLAMI untuk anak damit

Nashir Husnuddin

ناصر حسن الدين
Penolong, Keindahan Agama

Najid Hassan

نجید حسان

Yang Gagah, Yang sangat Baik,

Dari 'Aisyah RadhiAllahu 'anha berkata:

"Sesungguhnya Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam pernah mengubah nama yang buruk."

(Riwayat Imam at-Tirmidzi)

أسماء البنات
NAMA ANAK BINI-BINI
Nafhah Hasibah
نفحۃ حسیبۃ
Bau yang Harum Semerbak, Pemberian, Yang Mencukupi

Nushrah Hanani

نصرہ حنانی
Pertolongan, Kesayanganku, Rahmatku, Belas Kasihanku,

Nada Hasyimah

ندی حشیمہ
Kebaikan, Kemurahan Hati, Kelebihan, Yang Pemalu

MAJLIS PENGHARGAAN DAN PERLANTIKAN AHLI JAWATANKUSA BELIA MUALLAF ASY-SYAHADAH

PULAI, Ahad, 15 Jamadilakhir bersamaan 8 Januari – Urusetia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah dengan kerjasama Belia Muallaf Asy-Syahadah telah mengadakan sebuah Majlis Penghargaan Ahli Jawatankusa Belia Muallaf Asy-Syahadah 2020 hingga 2022 dan Perlantikan Ahli Jawatankusa Baru sesi 2023 hingga 2025.

Majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna, Pusat Da'wah Islamiah ini dihadiri oleh Ketua Urusetia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah, Yang Mulia Awang Isham bin Ismail dan 50 orang pegawai dan kakitangan Urusetia Program Keugamaan Belia dan Ahli-ahli Jawatankusa Belia Muallaf Asy-Syahadah.

Majlis ini dimulakan dengan bacaan Sayyidul Isighfar dan surah al-Fatihah yang dibacakan oleh Ahli Jawatankusa Belia Muallaf Asy-Syahadah. Majlis diteruskan dengan ucapan dari Yang Mulia Isham bin Ismail dan Yang Mulia Dayang Nurul Nadzirah binti Haji Simpon, Yang Di-Pertua Belia Muallaf Asy-Syahadah. Kemudian majlis penyampaian sijil penghargaan dan perlantikan baru ahli-ahli jawatankusa yang terlibat sebelum bacaan ikrar dibacakan yang diketuai oleh Ahli Jawatankusa Belia Asy-



SESI bergambar ramai antara ahli-ahli jawatankusa Belia Muallaf Asy-Syahadah dan Urusetia Program Keugamaan Belia.

sentiasa memberi manfaat kepada orang lain, membentuk belia yang berkepimpinan, berkebolehan tinggi dan berdisiplin serta menjadi role model kepada belia muallaf yang lain.

Di samping itu, tujuan majlis adalah sebagai langkah untuk mengajar ahli-ahli baru mengenai tugasannya yang bakal mereka laksanakan dan juga memberi penghargaan kepada ahli-ahli jawatankusa yang telah berkhidmat di sepanjang tahun 2020 hingga 2022.

PROGRAM QALBUN SALIM MEMBERIKAN KESEDARAN MENGENAI PEGANGAN AKIDAH

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani

PULAI, Khamis, 4 Rejab bersamaan 26 Januari – Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Penyebaran Da'wah dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengungkayakan sebuah program yang diberi nama Program Qalbun Salim. Program ini dilaksanakan selama tiga hari, bermula 24 Januari 2023M bersamaan 2 Rejab 1444H hingga 26 Januari 2023M bersamaan 4 Rejab 1444H di Dewan Serbaguna, Pusat Da'wah Islamiah.

Seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada 12 orang peserta perempuan dan 8 orang peserta lelaki dari enam buah sekolah ugama yang mengikuti program tersebut. Sekolah-sekolah yang terlibat ialah Sekolah Ugama Pelambayan, Sekolah Ugama Raja Isteri Fatimah, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Besar (Sungai Kebun), Sekolah Ugama Orang Kaya Besar Imas (Kampong Subok), Sekolah Ugama Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Majeedah Nuurul Bolkiah Kilanas (petang), Sekolah Ugama Sayyidina Husain (petang) dan Sekolah Ugama Beribi Telanai.



YANG Mulia Ustaz Hj Abd Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang peserta program.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberikan kesedaran tentang pegangan aqidah yang betul selain memberi pendedahan kepada para pelajar yang terlibat akan kepentingan berakhlik dengan akhlak Islam yang terpuji. Para pelajar yang terlibat juga didekahkan dengan kesedaran dalam menghayati dan mengamalkan ibadat dengan sempurna menurut ajaran Islam.

Sepanjang tiga hari program ini diadakan, ianya telah diisi dengan ice breaking, pendedahan mengenai aqidah, praktikal wudhu' dan tayammum (thaharah), kesedaran akhlak, dare to change dan 'uja

hatiku'. Sebagai penutup hari terakhir program ini, Yang Mulia Ustaz Hj Abd Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah selaku tetamu kehormat majlis telah menyampaikan sijil kepada peserta-peserta yang terlibat dalam program ini.

Dengan berlangsungnya program ini, Pusat Da'wah Islamiah berharap dapat memberi manfaat kepada pelajar dan nilai tambah dalam menghadapi kehidupan sebagai seorang pelajar dan keimanan yang mantap serta dapat mengamalkan ajaran Islam dengan penuh keyakinan serta ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa Ta'alaa. ■



PELAJAR-pelajar bergambar ramai bersama tetamu kehormat dan tenaga pembimbing.